

KAJIAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM IMPAK ILKBS@KOMUNITI



PENGENALAN

Program Impak ILKBS@Komuniti ini bertujuan untuk menyumbang balik tenaga kepakaran atau kemahiran pengajar, pegawai dan pelajar ILKBS kepada masyarakat setempat yang melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil terhadap kemudahan fizikal awam serta menawarkan bantuan berbentuk barangan, makanan, perkhidmatan dan lain-lain mengikut kesesuaian bidang atau kepakaran ILKBS.

OBJEKTIF KAJIAN

01

Meneroka maklum balas terhadap nilai tambah yang diperoleh pelajar dengan menyertai program Impak ILKBS@Komuniti.

02

Meningkatkan pengetahuan mengenai peranan yang dimainkan oleh pentadbir/ pengajar/ pelaksana dalam menentukan keberkesanan program Impak ILKBS@Komuniti.

03

Meneroka persepsi komuniti hasil daripada pelaksanaan program Impak ILKBS@Komuniti.

04

Meneroka cadangan penambahbaikan program Impak ILKBS@Komuniti daripada pelajar, komuniti dan pentadbir/ pengajar/ pelaksana.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pelaksanaan *Focus Group Discussion* (FGD) bagi pelajar, komuniti dan pengajar manakala *Indepth interview* telah dilaksanakan ke atas Pengarah/ pegawai kanan ILKBS.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa, program Impak ILKBS@Komuniti berjaya memberikan nilai tambah kepada peserta melalui penyerlahan bakat belia, bakat kepimpinan, kesukarelawanan dan membantu pembangunan belia positif yang melibatkan pembangunan aset dalaman dan luaran. Melalui program ini juga potensi modal insan peserta dapat diserlahkan hasil daripada sumbangan kepada komuniti setempat.

Pelaksanaan sesebuah program memerlukan peranan daripada semua pihak bagi menjayakannya. Melalui program ini, pelaksanaan tadbir urus yang efisien meliputi perancangan yang sistematik serta pentadbiran dan pengurusan program yang tersusun membantu melancarkan pelaksanaan program ini.

Hasil kajian turut mendapati persepsi komuniti hasil daripada pelaksanaan program Impak ILKBS@Komuniti mendapati peranan kumpulan pelaksana seperti Badan Bukan Kerajaan (NGO), komuniti setempat dan pelbagai agensi yang lain adalah penting untuk turut terlibat dalam program ini bagi memastikan pembangunan belia secara menyeluruh.

Berdasarkan hasil kajian, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikemukakan meliputi pemilihan lokasi dan masa yang bersesuaian, mempelbagaikan kategori pemilihan peserta, meningkatkan kekerapan pelaksanaan program, memperluaskan cadangan aktiviti dan meningkatkan peruntukan kewangan.